

Headline	Hidup lebih bermakna di Wahidayah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	F5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	374 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,662
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,986



Hidup lebih bermakna di Wahidayah

“**Saya** langsung tidak terkejut atau sedih apabila doktor memberitahu saya positif HIV. Seawal usia 17 tahun, saya sudah kenal apa itu ganja dan sejak itu saya keluar masuk penjara akibat perbuatan dilakukan ber-sabit kesalahan ketagihan. Memang, pada mulanya saya tidak diterima keluarga yang tidak begitu memahami mengenai HIV, sehinggalah emak terpaksa membasuh pakaian saya berasingan.” katanya.

Jamilah, 42, (bukan nama sebenar) adalah antara penghuni rumah Wahidayah. Bagi Jamilah, Wahidayah tempat amat menyenangkan kerana dapat bersama-sama mengharungi kehidupan di samping rakan lain yang sama memahami dan tidak akan sekali-kali menunjukkan perubahan pada wajah jika mengetahuinya positif HIV.

Sedar selepas jadi OKU

Ibu kepada dua cahaya mata berusia 14 dan 12 tahun berkata, sangat bersyukur apabila mengalami kemalangan jalan raya pada 2005. Tragedi itu menyebabkannya menjadi Orang Kelainan Upaya (OKU) dan punca utama, beliau berhenti menagih ganja serta kembali kepada kehidupan bebas ketagihan.

“Ketika remaja lain habis sekolah menengah dan merencana hidup, saya leka dengan ganja dan heroin kerana pengaruh rakan. Saya tidak pernah terfikir untuk berhenti menagih ganja.

“Ganja dan heroin yang dipanggil ‘ubat’ dalam kalangan penagih seperti saya ini

senang saja diperoleh, asalkan ada duit dalam tangan. Untuk menyara hidup dan melunaskan ketagihan saya bekerja sebagai pengawal di ibu kota,” katanya yang turut kerap mencuri wang dan barang berharga milik ahli keluarga apabila ketagihan.

Hubungan seks liar

Ketika terjebak dengan gejala negatif ini juga Jamilah bertemu dengan arwah suami yang juga pembekal ‘ubat’ kepada beliau dan rakan penagih lain.

“Suami negatif HIV kerana hanya membekalkan kepada kami dan tidak mengambilnya. Saya mendapat HIV bukan kerana suntikan sebab saya tidak pernah berkongsi jarum. Puncanya, mungkin kerana melakukan hubungan seks dengan lelaki lain. Maklum saja, apabila minda sudah dipengaruhi dadah, kami sudah tidak tahu halal haram atau dosa pahala. Keadaan saya lebih parah dan menjadi lebih liar bertukar-tukar pasangan apabila arwah suami ditangkap dan dipenjarakan,” katanya.

Selepas arwah suami dibebaskan, Jamilah pula ditangkap dan dipenjarakan. Ketika di dalam penjara, suaminya meninggal akibat kemalangan. Pun begitu, beliau masih belum insaf kerana sering kali tewas dengan ajakan rakan supaya kembali menagih.

“Saya hanya mula insaf selepas kemalangan dan terfikir untuk kembali kepada realiti sebagai wanita dan ibu kepada dua anak yang begitu memahami sejarah gelap saya,” katanya sambil menundukkan wajah.

“

SAYA MENDAPAT HIV BUKAN KERANA SUNTIKAN SEBAB SAYA TIDAK PERNAH BERKONGSI JARUM. PUNCANYA, MUNGKIN KERANA MELAKUKAN HUBUNGAN SEKS DENGAN LELAKI LAIN. MAKLUM SAJA, APABILA MINDA SUDAH DIPENGARUHI DADAH, KAMI SUDAH TIDAK TAHU HALAL HARAM ATAU DOSA PAHALA”

Jamilah,
Penghuni rumah Wahidayah

Headline	Hidup lebih bermakna di Wahidayah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	F5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	374 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,662
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,986

